

20 OKTOBER 2017

Ketulan ganja RM1.58 juta dirampas, 4 ditahan



MOHMAD SALLEH (tiga dari kiri) menunjukkan sebahagian daripada 533 ketulan mampat ganja yang dirampas dalam operasi di Kuala Kedah ketika sidang akhbar di Alor Setar, Kedah, semalam. - UTUSAN/MOHD. RAFIE AZIMI

Ketulan ganja RM1.58 juta dirampas, 4 ditahan

ALOR SETAR 19 Okt. - Hasil kerjasama antara Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kontinjen negeri berjaya menumpaskan sindiket pengedaran ganja apabila merampas 527.9 kilogram dadah berkenaan bernilai RM1.58 juta untuk dipasarkan di negara ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, rampasan 533 ketulan ganja mampat itu merupakan yang terbesar di negeri ini dalam tempoh tahun ini.

Katanya, selain rampasan, empat lelaki tempatan berusia 20 hingga 33 tahun ditahan di dua lokasi berbeza pagi semalam, kerana dipercayai mempunyai kaitan dengan sindiket pengedaran dadah tersebut.

“Operasi bermula kira-kira pukul 6.20 pagi apabila kami menahan kenderaan pelbagai guna (MPV), Toyota Alphard dipandu seorang lelaki berusia 33 tahun di satu persimpangan lampu isyarat, dekat Kuala Kedah. Pemeriksaan mendapati bahagian tempat meletak barang MPV itu yang bercermin gelap,

dipenuhi ketulan ganja yang diletakkan dalam guni dan ditutup dengan sehelai kain.

“Susulan itu, kami menahan tiga lagi lelaki yang kesemuanya berusia 20-an di perkampungan nelayan, dekat Kuala Kedah. Kesemua mereka dipercayai berperanan memindahkan ganja-ganja tersebut yang baru tiba dari negara jiran ke dalam MPV berkenaan untuk dihantar ke Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, di sini hari ini.